# KKMM lancar program 'bantu sampai selesai' bersih rumah mangsa banjir

Disember 27, 2021 @ 7:05pm



Foto hiasan - BERNAMA

SEPANG: Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) akan melancarkan Program Bantu Sampai Selesai bermula Rabu ini bagi membersihkan kediaman mangsa banjir sekitar Lembah Klang selama lima hari berturut-turut.

Menteri berkenaan, Tan Sri Annuar Musa berkata, program itu akan dimulakan dengan menyasarkan 500 rumah di tiga lokasi yang terjejas teruk akibat banjir khususnya Taman Seri Muda di Shah Alam, Bukit Changgang di Kuala Langat dan Taman Sri Nanding di Hulu Langat.

Beliau berkata lebih 1,000 sukarelawan yang terdiri daripada pegawai kementerian dan agensi KKMM, artis, selebriti tanah air, persatuan industri kreatif serta media akan digerak bagi program itu.

"Apabila saya turun ke padang, saya mendapati keluarga (yang terjejas banjir) trauma kerana hendak bersihkan rumah. Sukarelawan datang dan balik selepas dua tiga jam, dan kerja tidak selesai.


DISYORKAN UNTUK ANDA

- **UKM tangguh pengajian seminggu, gerak 1,200 sukarelawan bantu mangsa banjir**
- **YADIM ajak orang ramai jadi sukarelawan bantu mangsa banjir**